

# Tun M mahukan laporan terperinci



## Bukan masalah peribadi tetapi demi Proton

BH - 6/8/2005

Oleh Norfatimah Ahmad

**S**ERDANG: Tun Dr Mahathir Mohamad mahu isu permit import (AP) kereta dijelaskan dengan terperinci untuk menjamin kepentingan negara dan Proton tanpa mengaitkannya dengan hal peribadi.

Bekas Perdana Menteri berkata, perkara yang dibangkitkan sebelum ini tidak sepatutnya dianggap sebagai isu peribadi antara beliau dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Kenapa perlu bawa masuk hal peribadi kerana isu perasaan tidak relevan dalam hal ini dan perasaan saya juga tidak ada kaitan dalam isu ini," katanya selepas menyampaikan syarahan awam bertajuk Menuju Ke

Arah Masyarakat Progresif anjuran Yayasan Pak Rashid di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Sebelum ini, Rafidah dilaporkan sebagai berkata, beliau terluka dengan jawapan balas Dr Mahathir mengenai isu AP. Rafidah juga tidak menghadiri mesyuarat Kabinet, Rabu lalu, bagi menjelaskan isu berkenaan kerana cuti sakit.

Sabtu lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, Kabinett ingin tahu penjelasan Rafidah kerana ada kenyataan Dr Mahathir dan jawapan balik daripada bekas Perdana Menteri itu.

Dr Mahathir yang juga Penasihat Proton sebelum ini mendakwa Rafidah tidak membuat kenyataan benar mengenai isu AP kepada perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini.

Bekas Perdana Menteri juga tidak mahu tindakannya mengetengahkan isu AP disalah tafsir mana-mana pihak kerana fokus utama beliau adalah Proton.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, pencapaian Malaysia sebagai negara maju bukan kerana meniru mana-mana pihak, sebaliknya menggunakan cara sendiri.

"Moral dan sikap yang terpuji serta usaha gigih adalah aspek utama pembentukan negara progresif.

"Tidak ada jalan mudah untuk mencapai kejayaan, sebaliknya kita perlu mengejar, bergerak dan berlari untuk memiliki kejayaan cemerlang," katanya.

Malah, katanya, sikap negatif warga Barat ketika ini adalah antara faktor yang menyebabkan mereka semakin ketinggalan.

**“** Kalau nak fikirkan hal perasaan, saya juga boleh kata saya terluka kerana orang yang pernah bekerja dengan saya kata saya pelupa”

**Tun Dr Mahathir Mohamad**  
Bekas Perdana Menteri